

Raptai Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 berjalan lancar

SEREMBAN 5 Nov - Persiapan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk meraikan 2,498 graduannya dalam Majlis Konvokesyen Ke-13 yang bermula pada Sabtu ini memasuki fasa akhir dengan penganjuran raptai perdana di Dewan Tuanku Canselor, USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Raptai Perdana itu melibatkan para graduan bersama para pegawai pengurusan universiti, dekan fakulti dan kakitangan yang bertugas.

Yang turut hadir menyaksikan raptai perdana itu ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan para pegawai kanan universiti itu.

"Raptai ini amat penting bagi memberi gambaran sepenuhnya perjalanan majlis konvokesyen

nanti terutama para graduan.

"Hampir 500 petugas merangkumi petugas pentas, penyambut tetamu, jamuan, protokol, teknikal dan fizikal, pengurusan acara serta keselamatan telah dilantik oleh pengurusan universiti untuk memastikan kelancaran majlis ini," katanya.

Beberapa graduan yang ditemui ternyata teruja mengikuti majlis raptai itu.

Amarul Arief Mohd Shuhaimi, 25, yang bakal menerima Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan berkata, dia gembira dengan perjalanan raptai itu.

"Terima kasih kepada pihak urus setia kerana berusaha sehabis baik untuk memastikan perjalanan hari penting kami berjalan

lancar.

"Saya tidak sabar untuk menerima ijazah pada Sabtu ini dan berkongsi dengan ahli keluarga yang datang nanti," katanya.

Sementara itu, **Noor Faradzela Mohamad**, 24, bakal graduan Ijazah Sarjana Muda Pergigian yang kini berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik di Fakulti Pergigian USIM berkata, dia amat bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian.

"Insya-Allah, suami dan ibu saya akan datang nanti meraikan saya di USIM," kata Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-13 itu akan disempurnakan oleh Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud pada Sabtu ini.



MUSA AHMAD (tengah) bersama Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran, Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli (berdiri, tiga dari kiri), kakitangan USIM dan wakil penaja serta para pelajar semasa Majlis Pelepasan Ikan Pertandingan Memancing Terbuka sempena Pesta Konvokesyen USIM Ke-13 di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.